

Tambak laut atasi hakisan Pantai Telok Gong

Norafiqah Jamal

KUALA LINGGI - Projek tambakan laut bagi mengatasi masalah hakisan berlaku di Pantai Telok Gong di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Linggi bukan sahaja melegakan penduduk sekitar, malah dijangka mampu merencanakan lagi aktiviti pelancongan apabila siap sepenuhnya kelak.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuala Linggi, Datuk Rosli Abdullah berkata, projek dimulakan bulan lalu melibatkan tambakan pantai sepanjang lebih dua kilometer dari Pantai Telok Gong hingga ke Sungai Tuang di Pengkalan Balak.

"Alhamdulillah kerja-kerja tambakan laut sudah dimulakan, semuanya dijangka siap dalam tempoh dua tahun dengan kos lebih RM16 juta.

"Inisiatif Kerajaan Negeri ini diharap akan mengatasi masalah hakisan yang berlaku sepanjang pantai berkenaan," katanya ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Linggi yang juga an-



ROS LI menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri DUN Kuala Linggi. Foto Muhammad Rasul Azli Samad

jurannya bersama Speaker DUN Melaka, Datuk Wira Ibrahim Durum di Japen Kuala Linggi, di sini, 6 April lalu.

Majlis itu diserikan dengan kehadiran Yang Dipertua Negeri, Tun Seri Setia Dr. Mohd Ali Mohd Rustam bersama isteri Toh Puan Datuk Wira Dr.

Asmah Abd Rahman.

Selain itu kehadiran Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh diiringi Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Rais Yasin, bersama barisan Exco dan Timbalan Exco Kerajaan

Negeri melengkapkan lagi penganjuran majlis.

Sementara itu, berkongsi perkembangan pembangunan DUN Kuala Linggi, Rosli yang juga Timbalan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama negeri berkata, pihaknya kini sedang dalam proses untuk men-

jayakan perancangan membina sebuah masjid baharu.

Menurutnya, masjid mampu menampung kapasiti 1,000 jemaah pada satu-satu masa itu dicadangkan dibina di tapak di Kampung Baru.

"Insya-Allah tidak lama lagi Kuala Linggi akan ada sebuah masjid DUN

yang baharu. Sekarang masih pada peringkat cadangan yang mana kerja-kerja mengenal pasti tanah sedang dilakukan. Namun kita juga giat mencari dana dalam usaha merealisasikan hasrat penduduk sekitar DUN Kuala Linggi untuk mendapat sebuah masjid baharu," jelasnya.